

19 NOV 1999

DR MAHATHIR HADIRI MAJLIS TAHLIL

JITRA, 19 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, malam ini menghadiri majlis tahlil di Masjid Al-Aqila di sini.

Dr Mahathir turut berjemaah menunaikan solat Mahgrib dan Isyak bersama-sama kira-kira 200 penduduk sekitar.

Kenamaan lain yang hadir ialah bekas Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff, bakal calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Tunjang, Barishah Saad dan bakal calon BN bagi DUN Jitra Prof Dr Othman Ishak.

Turut hadir Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli.

-- BERNAMA

MZM AKD